

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

1. Nyatakan isu kekurangan kakitangan untuk Perkhidmatan 24 Jam CT Scan di Hospital Bukit Mertajam (HBM) dengan terperinci.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan mengatasi masalah ini? Telitiknya.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Perkhidmatan mesin pengimbas '*Computed Tomografi (CT Scan)*' Hospital Bukit Mertajam telah diwujudkan pada 12 Ogos 2024. Oleh itu, terdapat keperluan untuk perjawatan tambahan bagi memastikan perkhidmatan *CT Scan* dapat beroperasi 24 jam.

Perjawatan tambahan ini juga diperlukan untuk menangani masalah kekangan anggota kesihatan sedia ada dan mengurangkan bebanan kerja sedia ada kepada seramai 22 anggota kesihatan di Jabatan Radiologi, Hospital Bukit Mertajam.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah memohon penambahan jawatan sebanyak 29 jawatan merangkumi perjawatan:

- (i) Pakar Radiologi;
- (ii) Pegawai Perubatan;
- (iii) Jururawat;

- (iv) Juru X-ray; dan
- (v) Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK).

Permohonan jawatan tambahan ini dilaksanakan secara berfasa. Sebanyak 16 perjawatan telah dipohon dalam Fasa 1, memandangkan fasa pertama adalah fasa kritikal dalam memastikan perkhidmatan *CT scan* dapat berfungsi secara 24 jam.

Manakala bagi Fasa 2, sebanyak 13 perjawatan tambahan diperlukan, dimana perkhidmatan *CT scan* dapat diperluaskan merangkumi pesakit luar (*outpatient*) dan perkhidmatan intervensi dan biopsi.

- (a) Permohonan pewujudan perjawatan di Hospital Bukit Mertajam ini telah dipanjangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui surat bertarikh 14 Jun 2024 dan kali kedua pada 12 Ogos 2024 bagi pertimbangan pengurusan tertinggi KKM.

Pada masa ini, Hospital Bukit Mertajam hanya mempunyai 2 Pakar, 3 Pegawai Perubatan dan 14 Juru x-ray, tetapi perkhidmatan *CT scan* telahpun mula beroperasi secara 24 jam bermula pada 2 September 2024.

Perkhidmatan *CT Scan* 24 jam ini dioperasikan bagi kes-kes kecemasan dan kes-kes temujanji secara elektif iaitu 2 hari seminggu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

2. Masalah kekerapan gangguan bekalan air.
 - (a) Masalah ini khasnya di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) telah merisaukan pelabur. Nyatakan bilangan pelabur yang berminat di Pulau Pinang tetapi akhirnya memilih negeri lain dalam tiga tahun ini.
 - (b) Nyatakan pelan jangka masa pendek dan panjang oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan terperinci.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) Mengikut rekod pihak Invest Penang dalam tempoh masa Januari hingga September 2024, terdapat **lebih daripada lima (5) projek berpotensi strategik** yang terpaksa mengeluarkan Negeri Pulau Pinang daripada senarai pertimbangan pelabur disebabkan kekurangan bekalan air yang boleh dibekalkan kepada projek mereka. Syarikat-syarikat berpotensi biasanya akan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat sedia ada dalam proses usaha wajar (*due diligent*) dan diambil sebagai rujukan pemilihan tapak. Masalah kekerapan gangguan bekalan air dan tekanan air yang rendah di taman-taman perindustrian sering diungkit oleh para pelabur sedia ada.
- (b) Berdasarkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), pelan jangka pendek adalah pembinaan **kolam takungan air kedua** yang telah bermula pada Ogos 2024 dan tempoh pembinaan adalah selama tiga (3) tahun. Pelan jangka panjang adalah untuk membina **tiga (3) buah lagi kolam takungan air**

untuk menampung keperluan bekalan air kepada pembangunan PDC di Seberang Perai Selatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

3. Adakah kerajaan mempunyai mekanisme / garis panduan pemilihan atas industri yang dibina di tanah industri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)? Kemukakan kandungan.
- (a) Adakah mekanisme yang sama dipakai kepada industri yang akan dibina di taman-taman industri swasta? Nyatakan dengan terperinci.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersama Invest Penang mempunyai mekanisme/garis panduan dalam pemilihan jenis industri untuk penempatan syarikat di kawasan perindustrian PDC. Taman perindustrian PDC yang dikhaskan terutamanya untuk aktiviti yang dipromosikan seperti di *Bayan Lepas Industrial Park (BLIP)*, *Batu Kawan Industrial Park (BKIP)*, *Penang Science Park North (PSPN)*, *Bandar Cassia Technology Park (BCTP)* dan *Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3)*. Aktiviti yang dipromosikan adalah seperti elektrik & elektronik, peranti perubatan, mesin dan peralatan. Ini bagi memastikan pembangunan kawasan perindustrian di atas dikawal agar hanya syarikat dari industri teknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah ditempatkan di kawasan perindustrian PDC.

Setiap permohonan baharu tanah industri PDC akan dinilai oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Invest Penang, PDC dan Pejabat Ketua Menteri. Selepas dokumen lengkap diterima, proses penilaian akan bermula dengan penjadualan sesi temuduga, diikuti perbincangan antara agensi jawatankuasa dan seterusnya mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan.

Dalam proses penilaian, faktor-faktor yang diambil kira dalam setiap permohonan adalah termasuk:

- (i) Jenis industri;
 - (ii) Jenis produk yang dihasilkan;
 - (iii) Proses pengilangan;
 - (iv) Nilai pelaburan;
 - (v) Nilai tambah perniagaan;
 - (vi) Saiz tanah dan cadangan penggunaan;
 - (vii) Peluang pekerjaan berpendapatan tinggi;
 - (viii) Kedudukan pemohon dalam rantaian pembekalan, pelanggan dan pembekal;
 - (ix) Kepentingan syarikat pemohon dalam rantaian bekalan;
 - (x) Potensi isu pencemaran dan keselamatan; dan
 - (xi) Rekod prestasi syarikat.
- (a) Pada masa kini, mekanisme di atas hanya diguna pakai di dalam kawasan perindustrian PDC sahaja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

4. Nyatakan keluasan tanah dan lokasi bagi taman industri swasta yang telah diluluskan dalam tiga tahun ini.
- (a) Berapakah anggaran kilang akan dibina?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Terdapat dua (2) taman industri swasta yang dibangunkan untuk menyokong sektor berteknologi tinggi dan industri yang berkaitan dengan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi. Ia dirancang untuk menjadi hab penting bagi syarikat-syarikat yang beroperasi dalam bidang teknologi, elektronik, bioteknologi, dan sektor-sektor lain yang berkaitan dengan kejuruteraan dan sains. Dua (2) taman industri swasta tersebut adalah Taman Teknologi Pulau Pinang (Penang Technology Park) dan Northern TechValley@BKE. Perincian taman industri swasta adalah seperti berikut:

- (i) Taman Teknologi Pulau Pinang (Penang Technology Park)

Taman ini dibangunkan oleh Tetuan Lestari Duta Sdn. Bhd. di Lot 250-252, Lot 253-255 dan Lot 12453 Mukim 6, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Tetuan Mujur Sinarjaya Sdn. Bhd. di Lot 12-17, Lot 1676, Lot 1929, Lot 11454 dan 20134 Mukim 3, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang berkeluasan 836.8895 ekar.

(ii) Northern TechValley@BKE

Taman ini dibangunkan oleh Tetuan Suling Hill Development Sdn. Bhd. di Lot 149, 150, 189, 664, 665, 668, 801, 802, 1349, 1350, 1351, 1352, 1353, 1362 dan 10635 (Pt 66), Mukim 19, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang yang berkeluasan 175.04 ekar.

- (a) Berdasarkan kelulusan Kebenaran Merancang Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), terdapat 194 plot industri dan kilang berkembar di Taman Teknologi Pulau Pinang (Penang Technology Park) dan sebanyak 46 plot industri di Northern TechValley@BKE.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

5. Negara ini kekurangan 800 orang guru Bahasa Cina, adakah Pulau Pinang mengalami kekurangan guru Bahasa Cina dan bilangan kekurangan?
- (a) Berapakah bilangan guru Bahasa Cina yang ada sekarang di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Berdasarkan rekod dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Pulau Pinang merekodkan kekurangan Guru Bahasa Cina seramai 14 orang.
- (a) Bilangan guru Bahasa Cina yang ada di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bil.	Subjek	Ada	Kurang	Lebih	Keperluan Sebenar
1.	Bahasa Cina Sekolah Menengah	167	12	-	179
2.	Kesusasteraan Cina Sekolah Menengah	0	2	-	2
3.	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan	40	-	4	36
4.	Bahasa Cina Sekolah Rendah	612	-	70	542

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

6. Masalah tekanan air rendah di Pulau Pinang khususnya di KADUN Berapit, terangkan pelan untuk mengatasinya dengan teliti.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Sehingga rekod terkini aduan yang diterima oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), tiada sebarang aduan berkaitan dengan tekanan air rendah di KADUN Berapit. Pihak PBAPP sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan akan mengambil tindakan segera sekiranya pihak PBAPP menerima aduan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui PBAPP juga telah mengambil inisiatif melalui pelan jangka masa sederhana menerusi Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) untuk memenuhi permintaan air yang tinggi oleh penduduk Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Berikut adalah status kemajuan terkini bagi projek WCP 2030:

No.	Projek	Status	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1	Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP	Siap dan beroperasi sejak Disember 2023.	10	18.6
2	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua	Siap ditauliahkan pada September 2024	114	31
3	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km dari LRA Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai)	Dalam proses rekabentuk.		128
4	Pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar (Pulau Pinang)	Dalam proses rekabentuk. Dijangka diiklankan tender pada Februari 2025.		44
5	LRA Mengkuang Park	PBAPP telah mengiklankan tender untuk pembinaan LRA Mengkuang Park ini secara terbuka pada 1 November 2024.	114	120
6	LRA Sg Kerian	Dalam proses penyediaan tender untuk kerja – kerja pembinaan. Dijangka diiklan pada bulan Januari 2025	114	171

7	Skim Bekalan Air Sg Perai	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan LRA.	136	500
8	LRA Sg Muda	Diserahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk rekabentuk dan pembinaan LRA.	114	171
JUMLAH				1,183.6

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

7. Nyatakan jangkaan bilangan penumpang dalam 10 tahun selepas Transit Aliran Ringan (LRT) dibina siap.
- (a) Nyatakan kadar tambang dan hasil yang akan dikutip dengan jangkaan tersebut.
 - (b) Nyatakan kos penyelenggaraan yang dijangka dalam 10 tahun selepas siap.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. MRT Corp menganggarkan bilangan penumpang selepas 10 tahun LRT siap dibina adalah sebanyak 110,000 orang penumpang sehari.

Menurut MRT Corp:

- (a) Kadar tambang dan hasil yang akan dijangkakan masih belum dimuktamadkan.
- (b) Kos penyelenggaraan yang dijangka dalam 10 tahun setelah LRT siap dibina masih belum dimuktamadkan.

Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

8. Nyatakan jumlah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP).
- (a) Nyatakan perbelanjaan tabung tersebut sejak tahun 2018 dengan terperinci seperti peruntukan, projek dan item yang terlibat.
- (b) Berapakah permohonan yang masih belum diproses? Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan bagi permohonan tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Setiap tahun, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM6,800,000.00 bagi melaksanakan projek-projek di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP) untuk membantu penyelenggaraan perumahan berstrata swasta yang layak.
- (a) Sejak dari tahun 2018 sehingga 31 Oktober 2024, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan TPM80PP sebanyak RM50,100,000.00 yang merangkumi peruntukan tahunan sebanyak RM6,800,000.00 serta peruntukan daripada pihak Penang Development Corporation (PDC) sebanyak RM2,500,000.00 dari tahun 2021 sehingga 2024.

Jumlah keseluruhan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM67,037,800.64 dengan 365 buah projek di mana sebanyak RM49,233,318.88 adalah pembiayaan daripada Kerajaan

Negeri dan RM17,804,481.76 adalah pembiayaan daripada pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC). Kerja-kerja tersebut adalah merangkumi pembaikan/naik taraf lif, tangki air, sistem perpaipan, bumbung, penurapan jalan, pembaikan tembok dan pengecatan.

- (b) Sehingga 31 Oktober 2024, senarai menunggu bagi TPM80PP adalah sebanyak 87 permohonan. Anggaran kos bagi keseluruhan permohonan tersebut adalah sebanyak RM28,000,000.00. Walau bagaimanapun, kos tersebut akan dinilai semula selepas lawatan tapak dan proses perolehan yang akan dilaksanakan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

9. Isu penyelenggaraan di flat kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC).

(a) Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas pemilik yang culas membayar yuran penyelenggaraan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik yang culas membayar yuran penyelenggaraan di flat kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) adalah berdasarkan **Seksyen 41, 42 dan 59 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)** seperti berikut:

(i) **Pemberitahuan dan Amaran**

Pihak PBT atau pengurusan flat boleh mengeluarkan notis amaran untuk memberi pemilik masa tertentu bagi menjelaskan bayaran tertunggak. Tindakan ini memberi peluang untuk penyelesaian sebelum tindakan lanjut diambil;

(ii) **Denda dan Caj Tertunggak**

Jika penghuni masih gagal membayar selepas amaran dikenakan, pihak PBT boleh mengenakan denda atau caj tertunggak mengikut kadar yang ditetapkan dalam

peraturan. Ini bertujuan mendorong pemilik membayar tepat pada masanya;

(iii) **Sekatan Penggunaan Kemudahan**

Pihak pengurusan atau pihak PBT boleh mengenakan sekatan terhadap penggunaan kemudahan seperti tempat letak kereta, dewan serbaguna atau fasiliti lain sebagai tindakan penguatkuasaan;

(iv) **Tindakan Undang-undang**

Jika penghuni masih gagal membuat pembayaran, pihak PBT boleh mengambil tindakan undang-undang termasuklah memfailkan tuntutan di mahkamah untuk mendapatkan perintah pembayaran yuran tertunggak;

(v) **Pengambilalihan Pengurusan**

Dalam kes di mana banyak pemilik gagal membayar tunggakan caj penyelenggaraan, pihak PBT boleh mengambil alih pengurusan penyelenggaraan dan mengenakan bayaran tambahan untuk memastikan penyelenggaraan diteruskan;

(vi) **Pemotongan Perkhidmatan Asas**

Pihak PBT boleh mempertimbangkan untuk memotong bekalan perkhidmatan asas seperti air atau elektrik sebagai langkah terakhir, setelah mengikuti prosedur yang sah; dan

(vii) **Penyitaan Harta**

Pihak PBT boleh menyita harta pemilik yang enggan membayar untuk menampung jumlah tertunggak.

Catatan:

- **Seksyen 41:** Pemilik wajib membayar yuran penyelenggaraan.
- **Seksyen 42:** Faedah boleh dikenakan ke atas bayaran tertunggak.

- **Seksyen 59:** Pihak pengurusan boleh mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut bayaran.

Tindakan ini adalah penting untuk memastikan penyelenggaraan bangunan dan kemudahan dapat dijalankan dengan baik demi kesejahteraan penghuni.

Manakala, bagi perumahan awam hak milik Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan atau Badan Berkanun Negeri yang ditadbir urus oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), tindakan diambil melalui Bahagian Penguatkuasaan LPNPP iaitu dengan pengeluaran notis penguatkuasaan kepada pemilik unit yang bertunggakan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 49, [Enakmen 13] LPNPP iaitu seperti berikut:

- (i) Notis Amaran 14 hari;
- (ii) Notis Tarik Balik Unit; dan
- (iii) Arahan Pengosongan Unit (14 Hari).

Bagi penyewa/pemilik unit yang ingkar dengan Notis Arahan Pengosongan Unit dalam tempoh 14 Hari, maka, nama penyewa/pemilik unit akan disenaraihitamkan di dalam *Credit Tip Off Services* (CTOS). Tindakan undang-undang dijalankan ke atas unit yang gagal untuk membuat bayaran tunggakan sewa/senggara yang tidak menepati syarat Perjanjian Sewa. Sebarang tindakan undang-undang yang dijalankan ke atas penyewa/pemilik unit adalah berdasarkan keputusan mesyuarat yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tunggakan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

10. Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM169.83 juta pada tahun 2023, peningkatan sebanyak 80 peratus.
- (a) Adakah perbelanjaan tersebut telah dibajetkan dalam Bajet 2024?
 - (b) Jelaskan sebab peningkatan tersebut dengan terperinci.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Peruntukan tahun 2022 yang telah diluluskan adalah sebanyak RM206,674,426.90 dan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM200,267,474.32 bersamaan 96.90%. Manakala peruntukan bagi tahun 2023 pula telah diluluskan sebanyak RM216,908,887.84 dan mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM211,146,610.58 iaitu bersamaan 97.34%. Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah sebanyak 5.43%. Walau bagaimanapun, peruntukan mengurus di bawah maksud bekalan ,
Vot B.01 yang diluluskan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tahun 2023 adalah tidak mengambil kira peruntukan yang diluluskan di bawah
Vot B.16, Jabatan Kewangan Negeri yang dilaksanakan pembayaran di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

- (a) Perbelanjaan tersebut telah pun diperuntukkan di dalam Anggaran Bajet Mengurus bagi tahun 2024 iaitu perbelanjaan bagi maksud operasi, bekalan, dan perkhidmatan serta peruntukan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), program-program rasmi serta pemberian dalam negeri.
- (b) Peningkatan yang berlaku adalah disebabkan oleh terdapat beberapa dasar baharu yang telah diluluskan melalui Anggaran Bajet yang dimohon oleh Bahagian/Unit di bawah Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri merangkumi perkara-perkara berikut :-
- (i) Pelaksanaan program berkaitan Pensijilan *Anti Bribery Management System* (ABMS) serta Pelan Organisasi Anti Rasuah (OACP);
 - (ii) Perbelanjaan melibatkan pegawai-pegawai lantikan secara kontrak di bawah Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan termasuk jua perbelanjaan operasi sebagai persediaan kepada pentadbiran secara perbadanan sepenuhnya;
 - (iii) Bayaran emolumen kontrak kepada kakitangan yang terlibat dengan peminjaman ke LPNPP yang telah tamat tempoh selama 2 tahun iaitu dari tahun 2021 sehingga tahun 2022;
 - (iv) Perbelanjaan pengoperasian di Unit Pengurusan Bencana yang mula beroperasi sepenuhnya pada bulan April, tahun 2022; dan
 - (v) Kenaikan kadar sewaan baharu bagi komputer peribadi dan komputer riba untuk kegunaan Jabatan-Jabatan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

11. Hospital swasta Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan kadar bayaran sebelum dan selepas pandemik dengan memberi beberapa contoh kes perubatan.
 - (b) Nyatakan purata pesakit tempatan dan luar negara yang terima rawatan perubatan sejak tahun 2018.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kadar bayaran kos perubatan dan bilangan pesakit dirawat di Hospital Swasta bukan di bawah pemantauan dan kuasa Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri. CKAPS hanya mengawal selia hospital-hospital swasta di Pulau Pinang berdasarkan Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan peraturan-peraturannya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

12. Dua pelancong China menjadi mangsa pokok tumbang.
- (a) Berapakah bilangan aduan yang diterima Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai kawasan semak samun di rumah kosong / tanah lapang swasta dalam 10 tahun ini dan apakah cabaran menanganinya?
 - (b) Berapakah kes yang diselesaikan oleh PBT serta jumlah saman yang telah dibayar pemilik?

**YB H'ING MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Jumlah keseluruhan aduan yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai kawasan semak samun di rumah kosong / tanah lapang swasta sejak tahun 2014 sehingga Oktober 2024 adalah sebanyak **14,541** aduan yang merangkumi **6,043** aduan bagi kawasan MBPP dan **8,498 aduan** bagi kawasan MBSP. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Antara cabaran utama yang telah dihadapi oleh kedua-dua PBT adalah seperti berikut:

- (i) Aduan mengenai semak samun di tanah kosong berskala besar, iaitu tanah yang luasnya berhektar, dengan kepadatan semak samun yang tinggi dan pokok-pokok besar seperti hutan. Ini ditambah dengan kos penyelenggaraan pembersihan yang tinggi serta

keperluan untuk menggunakan jentera berat selain tenaga kerja manusia, yang mana tidak mampu ditanggung oleh pemilik tanah;

- (ii) Kekangan sistem carian maklumat rentas agensi yang melambatkan proses carian maklumat lot dan pemilik tanah;
 - (iii) Kematian dan kehilangan pemilik atau ketiadaan maklumat waris terdekat yang dikemas kini;
 - (iv) Ketidadaan kerjasama dan komitmen daripada pemilik bagi menyelesaikan isu di tapak dan mengelakkan isu berulang;
 - (v) Bebanan kos yang tinggi dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan semak samun; dan
 - (vi) Keterbatasan nilai kompaun dan denda maksimum (RM 1000).
- (b) Sebanyak **5,908** kes yang telah diselesaikan oleh kedua-dua PBT dan sebanyak **RM230,466.69** jumlah saman yang telah dibayar oleh pemilik sejak dari tahun 2014 sehingga 2024.

**JUMLAH ADUAN SEMAK SAMUN DI RUMAH KOSONG /
TANAH LAPANG SWASTA YANG DITERIMA OLEH
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG DALAM TEMPOH 10 TAHUN**

TAHUN	JUMLAH ADUAN
2014	507
2015	510
2016	478
2017	550
2018	541
2019	588
2020	692
2021	635
2022	519
2023	604
2024	419
JUMLAH KESELURUHAN	6,043

**JUMLAH ADUAN SEMAK SAMUN DI RUMAH KOSONG /
TANAH LAPANG SWASTA YANG DITERIMA OLEH
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DALAM TEMPOH 10 TAHUN**

TAHUN	JUMLAH ADUAN
2014	246
2015	473
2016	899
2017	580
2018	667
2019	1034
2020	947
2021	939
2022	842
2023	1011
2024	860
JUMLAH KESELURUHAN	8,498

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

13. Nyatakan kapasiti di setiap hospital awam dalam negeri buat masa sekarang dan jangkaan tahun 2030 dengan terperinci.
- (a) Nyatakan pelan untuk naik taraf hospital-hospital tersebut.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kapasiti hospital-hospital awam di Negeri Pulau Pinang setakat 1 November 2024 dan sehingga jangkaan kapasiti pada tahun 2030 adalah seperti berikut

Bil.	Nama Hospital	Jumlah katil Tahun 2024	Jangkaan katil Tahun 2030
1	Hospital Pulau Pinang (HPP)	1163	1708
2	Hospital Balik Pulau (HBP)	72	300
3	Hospital Seberang Jaya (HSJ)	729	1097
4	Hospital Bukit Mertajam (HBM)	242	628
5	Hospital Kepala Batas(HKB)	134	590
6	Hospital Sungai Bakap (HSB)	105	392
JUMLAH		2445	4715

(a) Pelan naik taraf hospital-hospital di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) **Hospital Pulau Pinang (HPP)**

- (1) Projek dalam pembinaan iaitu projek Blok Kuarters HPP, Blok Wanita dan Kanak-Kanak, Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel HPP dan juga Blok Klinik Pakar dan Wad;
- (2) Manakala, projek yang sedang dimohon adalah projek Makmal Patologi Forensik, Kompleks Kesihatan Mental dan pembaikan serta naik taraf wad kelas satu; dan
- (3) Projek yang telah diluluskan adalah Penggantian Sistem PABX Analog ke Digital HPP.

(ii) **Hospital Balik Pulau (HBP)**

- (1) Projek menaik taraf Jabatan Kecemasan, Unit Forensik dan Patologi telah selesai pada tahun 2022;
- (2) Projek menaik taraf sistem pembekalan air HBP akan dimulakan pada tahun 2024 setelah diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- (3) Pakar-pakar Perubatan juga telah mula ditempatkan di HBP dalam usaha menaik taraf menjadikan HBP sebagai hospital berpakar minor. Dewan Bedah Modular juga telah beroperasi untuk pembedahan katarak dan akan dioptimakan penggunaannya bagi lain-lain pembedahan.

(iii) **Hospital Seberang Jaya (HSJ)**

- (1) Projek *Multistorey* HSJ yang mana akan siap pada Januari, 2025; dan
- (2) Perancangan penambahan katil kepada 1097 buah masih diperlukan memandangkan kadar penggunaan katil (BOR) yang sering melebihi 100%.

(iv) **Hospital Bukit Mertajam (HBM)**

- (1) Bilangan katil akan ditambah kepada 628 katil dengan memberi tumpuan kepada Perkhidmatan Perubatan Am, Psikiatri dan Oftalmologi;
- (2) Penambahbaikan dewan bedah akan dapat memendekkan waktu menunggu pembedahan; dan
- (3) Pihak hospital juga dalam proses permohonan mendapatkan tanah kerajaan di sekitar hospital bagi projek pembangunan baharu dan penambahbaikan perkhidmatan.

(v) **Hospital Kepala Batas (HKB)**

- (1) Berkapasiti 134 buah katil akan ditingkatkan menjadi 590 buah katil apabila permohonan Projek *Multistorey* HKB diluluskan; dan
- (2) HKB telah mengemukakan permohonan projek Pembinaan Blok Tambahan *Multistorey*, Hospital Kepala Batas pada RMKe - 12 *Rolling Plan* ke 5 (2025) sebagai salah satu perancangan bagi menaik taraf dan meningkatkan khidmat kesihatan di Daerah Seberang Perai Utara. Permohonan projek telah dibentangkan di KKM, namun belum mendapat kelulusan. Permohonan projek tersebut telah dimasukkan semula bagi permohonan di dalam RMKe-13 *Rolling Plan* 1.

(vi) **Hospital Sungai Bakap (HSB)**

- (1) 105 buah katil akan ditingkatkan menjadi 392 buah katil mengikut perancangan dalam Projek *Multistorey* HSB; dan
- (2) Pakar-pakar Perubatan telah ditempatkan di HSB dan setelah proses naiktaraf selesai, HSB dijangka akan dijadikan sebagai hospital berpakar *minor*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

14. Nyatakan pelan jangka masa pendek dan panjang bagi semua tapak pelupusan dalam negeri dengan teliti termasuk kapasiti maksimum tapak-tapak tersebut serta status terkini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Pelan jangka masa pendek dan panjang bagi tapak-tapak pelupusan sampah di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL.	TAPAK PELUPUSAN	PELAN JANGKA MASA PENDEK	PELAN JANGKA MASA PANJANG
MBPP			
1.	Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ)	(a) Pelaksanaan semula Pengasingan Sisa di Punca bermula 1 Julai 2024 ; (b) Meningkatkan kesedaran dan pendidikan awam mengenai kepentingan pengasingan dan kitar semula sampah. Ini dapat	(a) Mewajibkan semua pemajuan untuk menggunakan semula sumber di tapak projek bagi mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan;

		<p>dilakukan melalui kempen kesedaran, program pendidikan di sekolah dan media massa;</p> <p>(c) Menggalakkan penggunaan semula dan pengurangan penggunaan bahan sekali guna seperti plastik, polisterin dan lain-lain melalui larangan terhadap bahan tersebut;</p> <p>(d) Menyediakan lebih banyak kemudahan pengasingan dan kitar semula seperti tong sampah khas, pusat pungutan kitar semula dan lain-lain di kawasan kediaman, kawasan perniagaan dan tempat awam; dan</p>	<p>(b) Cadangan pembangunan Loji Waste to Energy (WTE) yang berupaya menangani isu sisa pepejal dari segi pertambahan janaan sisa akibat pembangunan dan pertambahan penduduk; dan</p> <p>(c) Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi baharu dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien, mesra alam dan mampan untuk mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan.</p>
--	--	--	---

		(e) Menggalakkan pelaburan dan penglibatan sektor swasta dalam pengurusan sisa pepejal melalui konsesi dan usahasama awam-swasta seperti usahasama bersama Nestle (M) Sdn. Bhd. dan Tzu Chi Buddhist Association di dalam program kitar semula.	
MBSP			
2.	Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) Fasa 1	MBSP telah melantik syarikat pengendali bagi menjalankan kerja-kerja rehabilitasi TPSPB Fasa 1. Kerja-kerja rehabilitasi tersebut dijangka akan selesai menjelang tahun 2029.	Syarikat yang dilantik akan menjalankan kerja-kerja pemasangan solar di kawasan berkenaan sehingga tahun 2048.
3.	TPSPB Fasa 2	MBSP akan menggunakan tapak ini sebagai pelan kontingensi bagi pembuangan sisa pepejal dari kawasan Seberang Perai sehingga kontraktor baharu dilantik untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal di TPSPB Fasa 3.	MBSP akan menjalankan kerja-kerja rehabilitasi di tapak ini setelah pengurusan sisa pepejal di TPSPB Fasa 3 diberikan kepada kontraktor.
4.	TPSPB Fasa 3	MBSP bercadang untuk membina Sel 2 tapak pelupusan ini. Sel 2 ini	Tapak ini akan diserahkan hak pengurusan kepada

		dianggarkan dapat bertahan selama dua (2) tahun dari tarikh mula digunakan.	syarikat konsesi sekiranya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] diterima bagi penggunaan di negeri ini.
5.	Tapak Pelupusan Sampah Ampang Jajar	Tapak Pelupusan Sampah Ampang Jajar sedang digunakan bagi pelupusan sisa kebun dan pukal dan tapak ini dijangka digunakan sehingga Disember 2025.	Tapak pelupusan ini akan ditutup pada tahun 2026 dan perancangan kerja rehabilitasi akan dilaksanakan ke atas tapak ini.

MBPP merupakan pihak yang menyelia operasi pelupusan sisa binaan dan tanah korekan di TPSJ. Tanah di tapak pelupusan tersebut adalah milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

TPSJ mempunyai **empat (4) zon pelupusan** tetapi hanya **satu (1) zon pelupusan yang aktif** pada masa ini. **Dua (2) zon pelupusan telah dihentikan operasi** kerana mengalami **rekahan geoteknikal pada tahun 2018** manakala **satu (1) zon pelupusan telah dihentikan operasi kerana mencapai had ketinggian yang tidak dapat diakses oleh jentera.**

Bagi TPSPB pula, MBSP adalah pihak yang menguruskan sepenuhnya tapak pelupusan tersebut. Buat masa ini, Sel 1 di TPSPB Fasa 3 dijangka mencapai kapasiti maksimum pada hujung tahun 2024. Kapasiti ini juga tertakluk kepada keadaan semasa di tapak pelupusan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

15. Nyatakan data tahunan kadar penyusuan susu ibu setiap negeri di Malaysia dari tahun 2018 sehingga kini dan bagaimanakah kaedah untuk menjalankan tinjauan yang berkaitan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Data penyusuan susu ibu dikumpul melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS). Data yang dikumpulkan adalah peratusan bayi di bawah umur 6 bulan yang disusukan melalui susu ibu sahaja. Data tinjauan kebangsaan yang terkini adalah NHMS 2016:

Negeri	Peratusan Penyusuan Ibu (%)
Pulau Pinang	15.2
Kedah	38.2
Perlis	26.4
Perak	40.4
Johor	37.5
Selangor	30.9
Negeri Sembilan	39.6
Melaka	43.6
Kelantan	63.7

Pahang	45.4
Terengganu	60.8
Kuala Lumpur	44.1
Putrajaya	52.4
Labuan	25.2
Sabah	58.7
Sarawak	48.3

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang juga mengumpul data tahunan amalan penyusuan susu ibu di kalangan bayi yang berumur 6 bulan yang hadir ke klinik kesihatan. Tinjauan dan pengumpulan data ini diambil pada bulan Mac, Jun dan September setiap tahun. Pada tahun 2023, sebanyak 65.9% bayi disusui dengan cara susu ibu sahaja sehingga berumur 6 bulan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

16. *Making Penang Breastfeeding Friendly (MPBF).*

- (a) Apakah tindakan dan peruntukan yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat MPBF? Nyatakan dengan teliti.
- (b) Pihak manakah dari Kerajaan Negeri yang seharusnya menjadi koordinasi demi mencapai MPBF dan nyatakan usaha yang telah dijalankan dengan teliti.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) adalah merupakan salah satu pihak yang berkepentingan di dalam *Making Penang Breastfeeding Friendly (MPBF)*. MPBF adalah satu inisiatif yang digerakkan dan dikoordinasikan oleh *World Alliance for Breastfeeding Action (WABA)*.

Inisiatif ini bertujuan mewujudkan persekitaran mesra penyusuan susu ibu di Negeri Pulau Pinang. MPBF terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dan dikategorikan kepada 4 sub sektor iaitu:

- (i) Kesihatan;
- (ii) Tempat Kerja;
- (iii) Kumpulan Sokongan; dan
- (iv) Pendidikan.

Untuk masa kini, JKNPP masih dalam tindakan kajian yang sewajarnya bagi mengenal pasti jumlah peruntukan yang diperlukan bagi menjayakan program tersebut.

- (b) JKNPP adalah pihak yang bertanggungjawab menyelaras tindakan bagi hospital kerajaan serta swasta untuk mendapat pengiktirafan Hospital Rakan Bayi (*Baby-Friendly Hospital*, BFHI) dan Klinik Kesihatan mendapat pengiktirafan Klinik Rakan Bayi. Sehingga kini, antara usaha menjayakan MPBF, kesemua Hospital Kerajaan di Negeri Pulau Pinang serta 3 hospital swasta adalah Hospital Rakan Bayi iaitu:
 - (i) Hospital Adventist;
 - (ii) Hospital Lam Wah Ee; dan
 - (iii) Hospital Pakar KPJ Penang.

Manakala semua Klinik Kesihatan di negeri ini juga adalah Klinik Rakan Bayi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

17. Nyatakan prosedur operasi standard (SOP) Klinik Kesihatan (KK) Ibu dan Anak tentang lawatan ke rumah bayi yang baru dilahirkan.
- (a) Adakah KK Ibu dan Anak Pulau Pinang menjalankan lawatan tersebut di Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin setelah bayi dilahirkan? Nyatakan sebab jika tidak.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Penjagaan selepas bersalin bermula sejurus selepas ibu bersalin. Lawatan *postnatal* hanya dilakukan di rumah atau di fasiliti kesihatan. Hospital kerajaan dan hospital swasta akan memberi maklum kelahiran ibu bersalin kepada Klinik Kesihatan berhampiran. Anggota Klinik Kesihatan akan mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas menerima makluman tersebut.

Kekerapan lawatan ke rumah selepas bersalin ditentukan oleh keadaan ibu dan bayi selepas keluar hospital. Bagi ibu dan bayi yang berisiko rendah, lawatan ke rumah selepas bersalin adalah sebanyak 6 kali (minimum) dan 1 lawatan ke klinik semasa bayi berumur sebulan.

Bagi ibu dan bayi yang berisiko tinggi seperti kes darah tinggi tidak terkawal atau mana-mana keabnormalan dikesan, bilangan lawatan ke rumah akan dilakukan dengan lebih kerap.

- (a) Klinik Kesihatan atau Klinik Desa tidak menjalankan lawatan *postnatal* ke Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin Swasta. Perkhidmatan perawatan *postnatal* oleh anggota Jururawat Kesihatan Awam di Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin Swasta

telah diberhentikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui surat arahan Ketua Pengarah Kesihatan KKM pada 5 September 2016. Ini kerana pusat jagaan tersebut bukanlah fasiliti kesihatan dan pihak KKM memandang serius keselamatan pesakit dan kesan perundangan *medico-legal* ke atas anggota jururawat KKM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

18. Kes kemalangan pengasuhan kanak-kanak di rumah.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu melatih pengasuh kanak-kanak di rumah demi melindungi keselamatan kanak-kanak serta mempertingkatkan pendapatan suri rumah?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. (a) TASKA di rumah ialah mana-mana individu yang menerima masuk kanak-kanak yang berumur di bawah empat (4) tahun berjumlah empat (4) hingga sembilan (9) orang dan perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga, seorang pengasuh yang berdaftar hendaklah mempunyai kriteria seperti berikut:

- (i) Merupakan warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- (iii) Telah lulus Kursus Asuhan Asas dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA; dan
- (iv) Berdaftar sebagai pengasuh kanak-kanak di bawah Peraturan 16.

Pihak JKM akan mengenal pasti pengasuh di rumah dan seterusnya, Pegawai Diberi Kuasa TASKA (PDBK) akan memberikan khidmat nasihat serta galakan kepada pengasuh tersebut untuk menghadiri

Kursus Asas Asuhan PERMATA bagi mendapatkan ilmu dan pengetahuan dari aspek penjagaan, perkembangan dan keselamatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

JKM turut juga akan memastikan semua TASKA di rumah berdaftar. Pemantauan dan pemeriksaan berkala terhadap semua TASKA yang berdaftar manakala untuk TASKA di rumah yang tidak berdaftar, Bahagian Penguatkuasaan JKM akan menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk memastikan TASKA tersebut dijalankan mengikut Akta TASKA 1984 (Pindaan) 2007 dan Peraturan TASKA 2012. Ini adalah untuk memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak TASKA terjamin.

Berkuat kuasa 1 Januari 2013, Kursus Asuhan PERMATA merupakan kursus yang diwajibkan ke atas pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh bagi menggantikan Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1988. Menurut Peraturan 54, Peraturan-Peraturan TASKA 2012, semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh wajib hadir dan lulus Kursus Asuhan PERMATA dalam tempoh dua belas (12) bulan bekerja. Latihan berkaitan asuhan dan didikan awal kanak-kanak amat penting untuk menentukan kualiti pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak di TASKA dipatuhi. Usaha ini bertujuan untuk memenuhi keperluan perkembangan menyeluruh, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta menangani berlakunya insiden kemalangan dan kematian kanak-kanak seperti yang kerap dilaporkan.

Bagi pengasuh di rumah yang menjaga satu (1) hingga tiga (3) orang kanak-kanak di bawah usia empat (4) tahun, mereka tidak perlu berdaftar dengan JKM. Pengasuh di rumah yang berpengetahuan dan berpengalaman dapat meningkatkan keselamatan dan responsif terhadap pelbagai cabaran penjagaan kanak-kanak. Oleh itu, Kerajaan Negeri menggalakkan agar pengasuh di rumah mengikuti Kursus Permata serta kursus-kursus lain supaya ianya dapat mengurangkan kemungkinan kemalangan, kecederaan atau kecemasan kesihatan dan mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk kanak-kanak.

Dengan peningkatan kualiti suri rumah yang menjadi pengasuh kanak-kanak, permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di rumah yang boleh dipercayai adalah tinggi. Usaha ini turut membantu suri rumah menjana wang pendapatan kerana ia

menawarkan beberapa faedah yang selaras dengan tanggungjawab keluarga serta matlamat kewangan masing-masing. Golongan ibu atau suri rumah turut mempunyai jaminan kewangan sebagai persediaan menghadapi isu desakan ekonomi. Dalam mencapai Ekonomi Madani, penyediaan golongan ini menjadi pengasuh kanak-kanak yang berkualiti dapat meningkatkan jumlah tenaga buruh wanita yang juga dapat menjadi faktor penyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara dan negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

19. Adakah tandas yang berskala besar akan dirancang dan dibina di kesemua destinasi pelancongan seperti yang dijalankan oleh Kerajaan Thailand untuk memudahkan pelancong? Kini bilangan tandas sedia ada tidak mencukupi untuk menampung bilangan pelancong pada waktu puncak.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai perancangan untuk membina tandas yang berskala besar seperti yang dijalankan oleh Kerajaan Thailand bagi kemudahan pelancong.

Namun begitu, MBSP mempunyai perancangan untuk membina dan menaik taraf tandas secara berperingkat dengan pendekatan *Whole Society Approach* seperti yang disarankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mentransformasi tandas awam ke taraf 'Bersih, Menawan dan Wangi' (BMW). Senarai perancangan pembinaan dan penaiktarafan tandas secara berperingkat pada tahun 2025 oleh MBSP adalah seperti jadual berikut:

BIL.	LOKASI TANDAS	TARIKH MULA KERJA
1.	Pembinaan Tandas Awam Pintar (BMW) di Taman Bandar, Ampang Jajar, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.	Jangkaan bulan Februari 2025

2.	Pembinaan Tandas Awam di Pasar Awam Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	Jangkaan bulan Februari 2025
3.	Menaik taraf Tandas Awam di Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan.	Jangkaan bulan Februari 2025
4.	Menaik taraf Tandas Awam di Kompleks Makanan Taman Inderawasih, Seberang Perai Tengah.	Jangkaan bulan Februari 2025

MBPP pula sedang menambah baik keadaan tandas sedia ada secara berperingkat dengan membuat pembaikan kecil dan penyelenggaraan secara berkala ke atas semua tandas awam milik MBPP. MBPP telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi tujuan penyelenggaraan ke atas tujuh puluh lima (75) buah tandas awam yang diselenggara oleh MBPP pada tahun 2024.

Selain itu, MBPP juga mempunyai perancangan untuk menambah baik dan menaik taraf tandas secara berperingkat pada tahun 2025 seperti jadual berikut:

BIL.	LOKASI TANDAS	TARIKH MULA KERJA
1.	Menaik taraf keseluruhan tandas Pasar Lebu Cecil	Jangkaan bulan Februari 2025
2.	Menaik taraf tandas Astaka di Taman Tun Sardon	Jangkaan bulan Februari 2025
3.	Menaik taraf tandas di Astaka Kampung Melayu	Jangkaan bulan Februari 2025
4.	Menaik taraf tandas di Pasar Farlim	Jangkaan bulan Februari 2025
5.	Menaik taraf tandas di Pasar Jelutong	Jangkaan bulan Februari 2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

20. Apakah perkembangan terkini laluan basikal khas dari Pasaraya GAMA ke Jambatan Kedua Pulau Pinang?
- (a) Keadaan di sekitar tapak pembinaan IJM dilaporkan tidak selamat. Mengapakah syarikat Asia Green dapat menyediakan lorong basikal khas semasa pembinaan 10 tahun lalu tetapi Kerajaan Negeri tidak mewajibkan IJM melakukannya?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Perkembangan terkini laluan basikal khas dari Pasaraya GAMA ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pemaju yang terlibat dalam skim pembangunan baharu di jajaran tersebut. Status maklumat bagi pembinaan laluan basikal yang telah dibina dari Pasaraya GAMA ke Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya telah mensyaratkan pembinaan laluan basikal khas kepada pemaju IJM Land Berhad melalui syarat-syarat Kebenaran Merancang yang ditetapkan oleh MBPP. Pembinaan laluan basikal khas telah disediakan oleh pemaju IJM Land Berhad dari tahun 2014 sehingga kini. Pada masa kini, sebahagian laluan basikal khas bersebelahan dengan lorong motosikal di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sehingga ke Jambatan merentangi Sungai Gelugor (berhampiran kawasan riadah The Light) sedia ada ini perlu ditutup kerana terlibat dengan pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) dari projek pembangunan The Light ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu atas faktor keselamatan

orang awam dan kawasan sekitarnya. Pemaju IJM Land Berhad telah menyediakan laluan basikal khas sementara berhampiran dengan tapak pembinaan projek The Light di mana laluan sementara ini disediakan kepada orang awam sehingga bulan April 2025. Papan tanda keselamatan juga telah didirikan oleh pihak IJM Land Berhad di laluan basikal sementara ini. Laluan basikal baharu di bahagian *promenade* sepanjang 1.5 kilometer akan dibuka kepada orang awam pada bulan April 2025 iaitu selepas kerja-kerja pembinaan bangunan *Penang Waterfront Convention Center* siap sepenuhnya.

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI PEMBINAAN LALUAN BASIKAL KHAS DARI PASAR RAYA GAMA KE JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG

BIL.	TAHUN SIAP	LOKASI LALUAN	PANJANG (KM)	JABATAN/PEMAJU PELAKSANA
1.	2014	Pasar Raya Gama sehingga ke Jambatan Basikal merentangi Sungai Pinang	1.4	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
2.	2014	Jambatan Basikal merentangi Sungai Pinang	0.2	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
3.	2014	Jambatan Basikal merentangi Sungai Pinang sehingga kawasan riadah Persiaran Karpal Singh	2.5	IJM Land Berhad
4.	2018	Jambatan Basikal dan pejalan kaki yang merentangi <i>Outfall</i> S22 di Persiaran Karpal Singh	0.25	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
5.	2014	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Queensbay	10.0	(i) IJM Land Berhad (ii) Tropicana Ivory Sdn. Bhd. (iii) GSD Land (M) Sdn. Bhd. (iv) CP Landmark Sdn. Bhd.

BIL.	TAHUN SIAP	LOKASI LALUAN	PANJANG (KM)	JABATAN/PEMAJU PELAKSANA
				(v) Asia Green Group
6.	2016	Dari Queensbay ke Jambatan Kedua Pulau Pinang (termasuk jambatan merentangi Sungai Keluang, Sungai Tiram dan Parit Mox)	3.6	UEM Builders Berhad
7.	2018	Jejantas Basikal dan Pejalan Kaki di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan Queensbay serta pembinaan Jambatan Basikal merentangi Sungai Ara dan Sungai Nibong	0.6	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
8.	2018	Jambatan Basikal merentangi Sungai Keluang sehingga bawah Jambatan Kedua Pulau Pinang	0.5	Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

21. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas penunggang motosikal yang sering mencerobohi laluan khas basikal justeru memudaratkan orang awam yang sedang bersukan di kawasan tersebut?
- (a) Berapakah kompaun telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setakat ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengambil tindakan ke atas penunggang motosikal yang menceroboh laluan khas basikal dengan mengeluarkan notis dan kompaun kesalahan. Manakala bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula akan mencegah penunggang motosikal dari memasuki laluan khas basikal dengan pemasangan *bollard* jenis *A-Frame*. Bagi tindakan penguatkuasaan, MBPP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melaksanakan operasi secara bersepadu di mana saman akan dikeluarkan oleh pihak PDRM di bawah Kaedah-kaedah Lalu Lintas 1959.
- (a) Setakat ini, tindakan yang diambil oleh MBSP ke atas kesalahan menceroboh laluan basikal/siar kaki bermula bulan Januari sehingga Oktober 2024 dengan mengeluarkan sebanyak 188 notis dan 18 kompaun.

Seperti mana pihak MBSP, MBPP juga akan juga akan mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 46, Akta Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Sebanyak 8,011 kompaun telah dikeluarkan oleh MBPP bermula bulan Januari sehingga Oktober 2024 kepada pemilik kenderaan motosikal yang telah memasuki dan diletakkan di atas laluan basikal / siar kaki.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

22. Nyatakan peranan kerajaan dalam isu Terminal Bas Bukit Mertajam (BM) Summit yang mana bangunan tersebut telah dijadikan hostel warga asing.
- (a) Di manakah bas tajaan Kerajaan Negeri iaitu CAT Bridge CT14 (KOMTAR - Bukit Mertajam) akan mula dan tamat di Terminal BM?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Komponen pembangunan bagi Kompleks Summit Bukit Mertajam adalah terdiri daripada tiga (3) komponen iaitu hotel, perniagaan dan terminal bas. Bangunan ini juga merupakan hak milik persendirian.

Peranan kerajaan dalam isu Terminal Bas Bukit Mertajam (BM) Summit adalah Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memberikan kelulusan *Temporary Labour Quarters* (TLQ) pada bahagian bangunan hotel sahaja berdasarkan Garis Panduan Perancangan Penginapan Sementara Di Bawah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

- (a) Bas tajaan Kerajaan Negeri iaitu CAT Bridge CT14 (KOMTAR – Bukit Mertajam) akan bermula dan tamat di Terminal Bas Bukit Mertajam iaitu Kompleks Summit Bukit Mertajam. Laluan bagi CT14 adalah seperti berikut :

- (i) Bukit Mertajam – Jalan Permatang Rawa – Jalan Perda Selatan – Jalan Permatang Batu- Jambatan Pulau Pinang – KOMTAR.
- (ii) KOMTAR – Jambatan Pulau Pinang – Jalan Baru – Jalan Permatang Batu – Jalan Perda Selatan – Bukit Mertajam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

23. Apakah status jeti ke Pulau Jerejak?
- (a) Adakah Jeti Pulau Jerejak di Bayan Mutiara masih digunakan atau telah dipindahkan ke kawasan berdekatan dengan pusat penjaja berhadapan dengan Seagate?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Projek pembangunan di Pulau Jerejak masih berada di peringkat perancangan dan kajian yang teliti. Pada Ogos 2024, cadangan pelan pembangunan baharu telah dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan Negeri, dan kini cadangan tersebut sedang melalui proses penilaian serta pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelan induk yang dicadangkan akan menjalani semakan menyeluruh sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Seiring dengan itu, kajian-kajian seperti *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) perlu dilaksanakan semula bagi mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC). Laporan EIA untuk cadangan *Proposed Mixed Development at Pulau Jerejak and Proposed Bridge Linking Pulau Jerejak to Pulau Pinang* telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 26 Julai 2018, dengan lanjutan kelulusan sehingga 26 Januari 2024. Oleh kerana tempoh kelulusan tersebut telah tamat, laporan ini perlu dikemukakan semula untuk penilaian lanjut.

Selain itu, Laporan *Environmental Management Plan* (EMP) untuk cadangan jambatan yang telah diperakui pada 27 Mei 2019 juga perlu dilaksanakan semula. Proses penyediaan semula kajian SIA

dan EIA ini amat penting untuk memastikan bahawa semua tindakan mitigasi yang sesuai serta keperluan lain dapat dikenalpasti dalam menangani isu-isu sosial dan alam sekitar dengan teliti sepanjang fasa perancangan, pembinaan, dan operasi projek pembangunan di Pulau Jerejak.

Oleh itu, sebarang perancangan bagi pemindahan atau pembinaan jeti baru bergantung kepada keputusan akhir pelan pembangunan yang akan dimuktamadkan selepas kajian-kajian selesai dan kelulusan diperolehi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

24. Nyatakan status pembangunan di Pulau Jerejak.

- (a) Apakah rancangan lima tahun dan rancangan jangka masa panjang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

24. Status Pembangunan di Pulau Jerejak:

Projek Pembangunan di Pulau Jerejak masih berada di peringkat perancangan dan kajian yang teliti. Cadangan pelan pembangunan baharu telah dikemukakan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan Negeri pada Ogos 2024 dan cadangan ini kini sedang melalui proses penilaian serta pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pelan induk yang dicadangkan ini akan melalui semakan menyeluruh sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Seiring dengan itu, kajian seperti *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) perlu dilaksanakan semula untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC). Kelulusan Laporan EIA bagi '*Proposed Mixed Development at Pulau Jerejak and Proposed Bridge Linking Pulau Jerejak to Pulau Pinang*' telah diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 26 Julai 2018 dengan lanjutan kelulusan sehingga 26 Januari 2024. Memandangkan tempoh kelulusan tersebut telah berakhir, laporan ini kini perlu dikemukakan semula untuk proses penilaian lanjut.

Selain itu, Laporan *Environmental Management Plan* (EMP) bagi cadangan jambatan tersebut yang diperakui pada 27 Mei 2019 turut

perlu dilaksanakan semula. Penyediaan semula kajian SIA dan EIA adalah penting dalam memastikan tindakan mitigasi yang sesuai serta keperluan lain dapat dikenal pasti dalam menangani isu-isu sosial dan alam sekitar dengan teliti sepanjang fasa perancangan, pembinaan dan operasi projek pembangunan di Pulau Jerejak.

Rancangan Lima Tahun:

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) adalah dokumen penting yang menggariskan perancangan pembangunan negeri secara menyeluruh dan komprehensif. Berdasarkan RSNPP 2030, Pulau Jerejak telah ditetapkan sebagai salah satu lokasi utama dalam Zon Ekopelancongan Negeri Pulau Pinang. Keindahan semula jadi Pulau Jerejak, termasuk kawasan berbukit dan pantai yang mempesonakan, menjadikannya destinasi yang ideal sebagai produk pelancongan utama negeri.

Sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan jangka pendek, RSNPP 2030 memberi penekanan kepada pemerksaan industri pelancongan sebagai pemacu utama ekonomi negeri. Ini selaras dengan Dasar Struktur Perancangan 3.1.2, RSNPP 2030 yang menegaskan kepentingan memperkukuhkan industri pelancongan dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang. Dalam tempoh lima tahun akan datang, tumpuan utama adalah kepada pengembangan produk pelancongan agro dan ekopelancongan di Pulau Jerejak melalui pelbagai perancangan dan program yang dirangka untuk menarik lebih ramai pelancong seperti yang digariskan dalam langkah 3.1.2.6 dalam RSNPP 2030. Walau bagaimanapun, segala perancangan ini akan disesuaikan dengan perkembangan dan agenda pembangunan negeri serta komitmen Kerajaan Negeri terhadap kelestarian alam sekitar bagi mencapai pembangunan yang berdaya saing dan lestari.

Rancangan Jangka Masa Panjang:

Bagi rancangan jangka panjang, fokus utama adalah untuk memperkukuhkan kedudukan Pulau Jerejak sebagai destinasi utama ekopelancongan, dengan tumpuan kepada pembangunan produk pelancongan yang mampan. Melalui pelaksanaan program yang komprehensif, termasuk pembangunan infrastruktur yang menyokong kemasukan pelancong, Pulau Jerejak dijangka menjadi model pelancongan berdaya saing yang menggabungkan elemen agro dan ekopelancongan. Pendekatan ini juga akan menyokong

objektif Dasar Struktur Perancangan 3.1.2, RSNPP 2030 yang memantapkan sektor pelancongan sebagai penggerak utama ekonomi negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, strategi ini akan terus disesuaikan mengikut perubahan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia kekal relevan dan berdaya saing dalam jangka panjang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

25. Pelancongan agama menjana pendapatan besar bagi Thailand setiap tahun. Dengan kepelbagaian agama yang lebih kaya, adakah Penang Global Tourism (PGT) dan Penang Harmony Corporation (HARMONICO) akan bekerjasama memperkukuh promosi pelancongan agama untuk memajukan industri pelancongan di Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Ya, Penang Global Tourism (PGT) dan Penang Harmony Corporation (HARMONICO) akan menjalin kerjasama dalam mempromosikan pelancongan keagamaan dan memperkenalkan tempat ibadat di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri telah memasukkan tempat ibadat seperti masjid, kuil, gereja, gurdwara di Pulau Pinang dalam peta pelancongan. Kerajaan Negeri turut menyokong dalam penganjuran festival keagamaan dan menyenaraikan festival tersebut dalam kalendar pelancongan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

26. Apakah strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menangani cabaran masyarakat penuaan mulai tahun 2030 khususnya dalam aspek beban penjagaan, isu kesihatan dan sosial serta penyediaan mekanisme sokongan apabila fungsi penjagaan keluarga semakin lemah?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Antara strategi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah memperkenalkan konsep penuaan aktif dan melancarkan pelan strategik Bandar Mesra Usia. Melalui 8 domain yang terdapat dalam Bandar Mesra Usia, setiap individu, tanpa mengira umur, status perkahwinan atau keadaan hidup, akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini. Ini secara khusus digariskan dalam domain Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan, yang menawarkan perkhidmatan dan sokongan kesihatan yang sesuai dan mudah diakses untuk memenuhi keperluan masyarakat yang semakin berkembang sepanjang hayat mereka. Program dan aktiviti yang dijalankan di bawah domain ini akan bertepatan dengan objektif-objektif seperti di bawah:-
- (a) Promosi dan Perlindungan Kesihatan
 - (b) Menggunakan Premis/Taman MBPP Sedia Ada Sebagai Hub Perkhidmatan Berkaitan Kesihatan
 - (c) Perkongsian Tentang Tatacara Penggunaan Platform Atas Talian

(i) **Bebanan Penjagaan**

Di samping isu penuaan yang perlu diberi perhatian, Kerajaan Negeri turut mengambil kira isu generasi *sandwic* yang semakin meningkat. Ia mungkin kelihatan seperti isu remeh dari sudut mata kasar, namun ia dapat memberi kesan besar kepada masyarakat secara umum jika tidak ditangani dengan efektif dan segera. Dari segi beban penjagaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui perkhidmatan komuniti memperkenalkan aktiviti Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang merupakan Program kolaborasi strategik antara JKJ dengan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM) bagi pelaksanaan di negeri Pulau Pinang. Program ini bertujuan memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasa mereka disisihkan. Ia merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Ia bercorak pendampingan sosial (social outreach) oleh sukarelawan yang dilatih dan melaksanakan tugas mereka berdasar konsep dan prinsip kesukarelaan. Ia juga berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama. Selain itu, terdapat 9 buah PAWE untuk meringankan beban penjagaan warga emas di pulau pinang

(ii) **Kesihatan**

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menyediakan pelbagai perkhidmatan kesihatan untuk warga emas di klinik-klinik kesihatan, termasuk promosi dan pendidikan kesihatan, saringan serta penilaian kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, rawatan dan rujukan, serta lawatan dan perawatan di rumah. Selain itu, JKNPP turut menawarkan rawatan pemulihan untuk anggota badan dan cara kerja, serta aktiviti rekreasi, sosial, dan kebajikan melalui Kelab Warga Emas.

Senarai Klinik Kesihatan (KK) yang mempunyai Kelab Warga Emas adalah seperti berikut:-

- 1) KK Air Itam, Timur Laut;
- 2) KK Bayan Lepas, Barat Daya;
- 3) KK Teluk Bahang, Barat Daya;
- 4) KK Kubang Semang, Seberang Perai Tengah;
- 5) KK Kepala Batas, Seberang Perai Utara;
- 6) KK Penaga, Seberang Perai Utara;
- 7) KK Sungai Dua, Seberang Perai Utara; dan
- 8) KK Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan.

(iii) **SOSIAL**

Kerajaan Negeri telah melancarkan “Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif” pada tahun 2022 bagi mengiktiraf dan memperkasakan warga emas sebagai aset pembangunan negeri. Pelan ini bertujuan untuk dijadikan panduan bukan sahaja kepada agensi tetapi juga kepada seluruh masyarakat Pulau Pinang dalam persediaan menghadapi negeri menua. Pelan ini merangkumi beberapa aspek sosial (Sila rujuk **LAMPIRAN A**).


Selain itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan satu inisiatif dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia. Inisiatif ini dapat memastikan setiap individu terutamanya warga tua dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sosial di samping mempunyai kekuatan fizikal dan mental yang baik sepanjang proses penuaan berlaku (Sila rujuk **LAMPIRAN B**).

Inisiatif ini berteraskan lapan (8) domain yang telah ditetapkan oleh WHO dalam merangka program-program yang melibatkan *Age Friendly City* demi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat. Pelaksanaan pelan tindakan ini adalah bersama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Tempoh pelan tindakan ini adalah sepanjang tahun 2024 hingga 2025 yang memberi fokus kepada 4 domain seperti berikut:-

- 1) Memberi pelbagai pilihan perumahan bersesuaian untuk warga emas (Sistem Perumahan);
- 2) Menjadikan warga emas sebagai golongan penting dan bernilai kepada komuniti (Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial);
- 3) Menyediakan akses dan perkhidmatan yang pelbagai kepada golongan warga emas (Berkomunikasi dan Informasi); dan
- 4) Memudahkan akses kesihatan dan sokongan kepada warga emas (Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan).

PELAN HALA TUJU PENUAAN AKTIF NEGERI PULAU PINANG

Membangun Komuniti, Membentuk Persekitaran



KESEDARAN

PUBLISITI DAN ADVOKASI

Setiap warga emas masih boleh berbakti kepada masyarakat secara aktif. Melalui media, kempen dan kerjasama antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan swasta, kita boleh membentuk penuaan sebagai satu imej yang positif justeru mengubah tanggapan masyarakat terhadap warga tua.

INTEGRASI

PENGINTEGRASIAN PENUAAN AKTIF DALAM KOMUNITI

Mengalakkan penuaan aktif dalam masyarakat melalui dasar strategik dan mewujudkan penggunaan ruang aktiviti antara generasi bagi mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat serta penyertaan sivik untuk semua peringkat umur, seperti pertanian dalam bandar, kelas-kelas hobi, program kitar semula, dsb.

SUSTAINABILITY

PENAMBAHBAIKAN PERSEKITARAN

Sekiranya kita mengekalkan proses penuaan yang sihat dan aktif, maka kita mampu mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong dan mesra usia serta bantuan yang senang diakses seperti skim keselamatan sosial dan sistem penjajaan.

Inisiatif ini akan mendorong negeri **Pulau Pinang sebagai satu Bandar Mesra Warga Tua di Malaysia.**

Apa itu

Penuaan Aktif?

Penuaan aktif adalah satu proses dimana mengoptimalkan peluang dalam mengakses kepada kesihatan, penyertaan dalam masyarakat serta keselamatan bagi meningkatkan kualiti hidup seiring dengan peningkatan usia individu. -ditakrifkan oleh Penubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Konsep penuaan aktif bertujuan untuk menggalakkan warga emas untuk hidup berkari melalui penyertaan dalam aktiviti komuniti yang berfaedah dimana ia membolehkan mereka menjalani proses penuaan serta kehidupan yang berkualiti, sihat, dan bermakna.

Kekal Sihat, Raikan Penuaan

Bagaimanakah anda boleh memainkan Peranan?

- Mengamalkan dan menyokong manfaat Penuaan Aktif
- Kunjungi pusat komuniti setempat anda dan sertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.
- Mempromosikan Penuaan Aktif sebagai program dalam komuniti anda bersama agensi swasta dan awam yang berkaitan.

Untuk pertanyaan atau kerjasama, sila hubungi **04 650 5143**.

PENUAAN AKTIF UNTUK SEMUA
KESEDARAN, INTEGRASI & KEMAMIPANAN



Penuaan Aktif Untuk Semua

Membangunkan Komuniti,
Membentuk Persekitaran



RINGKASAN

Selari dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Usia pada November 2022.

Inisiatif Bandar Mesra Usia adalah pendekatan menyeluruh merangkumi 8 domain utama, meliputi persekitaran sosial dan infrastruktur.

Objektif utama inisiatif Bandar Mesra Usia adalah:

- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat
- Memastikan Pulau Pinang sebagai bandar yang sesuai didiami untuk semua golongan terutamanya warga emas.
- Menggalakkan hubungan antara generasi dan semangat kemasyarakatan melalui pelbagai program

MBPP ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama menjayakan inisiatif Bandar Mesra Usia dan menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar yang selesa, selamat dan menyeluruh untuk semua golongan.

Bersama Kita Menjadikan
Pulau Pinang Sebagai

Bandar Mesra Usia

SILA LAYARI

<https://www.mbpp.gov.my/ms/perkhidmatan/bandar-mesra-usia>

UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT
MENGENAI INISIATIF BANDAR
MESRA USIA MBPP



Sila imbas Kod QR ini untuk mendapatkan akses kepada Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP



PULAU PINANG

Bandar Mesra Usia



APA ITU BANDAR MESRA USIA?

Bandar Mesra Usia adalah bandar yang mempunyai persekitaran yang selamat dan terangkum untuk semua peringkat umur, terutamanya kepada warga emas.

Terdapat 8 domain utama di bawah inisiatif Bandar Mesra Usia bagi memastikan kualiti hidup individu di sesebuah bandar lengkap, selesa dan selamat!

MBPP & BANDAR MESRA USIA

Pada 28 Julai 2023, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima pengiktirafan daripada World Health Organization (WHO) sebagai ahli World Health Organizations's Global Network for Age-friendly Cities and Communities (WHO-GNAFCC).

MBPP yang bertindak sebagai Pelaksana Projek telah bekerjasama bersama Penang Women's Development Corporation (PWDC) selaku Pengurus Projek dan Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS) selaku Konsultant Projek bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Mesra Usia.

8 DOMAIN BANDAR MESRA USIA



8 SOKONGAN MASYARAKAT & PERKHIDMATAN KESIHATAN: Perkhidmatan kesihatan dan sokongan yang boleh diakses dan berpatutan untuk menjaga kesihatan dan aktiviti warga emas

1 RUANG AWAM DAN BANGUNAN: Penyediaan tempat atau ruang luar yang bersih dan bersesuaian kepada setiap kelompok masyarakat.



7 KOMUNIKASI DAN INFORMASI: Penyediaan dan penyebaran maklumat kepada semua lapisan masyarakat dengan cara yang tepat, mudah diakses, dan mesra rakyat



2 PENGANGKUTAN: Pilihan perumahan yang sesuai dan boleh diakses oleh semua masyarakat, serta berpatutan, selamat, dan adil

6 PENGLIBATAN SIVIK DAN PELUANG PEKERJAAN: Bandar dan komuniti yang mesra usia menyediakan peluang sukarela dan pekerjaan berbayar yang bermaruah

3 PERUMAHAN: Pilihan perumahan yang berpatutan, direka bentuk dengan baik dan selamat.



5 SALING MENGHORMATI & KETERANGKUMAN SOSIAL: Masyarakat yang inklusif/terangkum menghargai & menunjukkan penghormatan terhadap warga emas.

4 PENGLIBATAN SOSIAL/ MASYARAKAT: Mewujudkan program, aktiviti dan perkhidmatan yang merangkumi penglibatan semua lapisan masyarakat, terutamanya warga emas.



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

27. Maklumat infrastruktur di bawah jalan raya Pulau Pinang.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai data lengkap tentang saluran paip dan kabel di bawah jalan raya, serta mengenal pasti dengan tepat jenis paip atau kabel yang tertanam bagi mengelakkan insiden tanah mendap seperti yang berlaku baru-baru ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Maklumat infrastruktur di bawah jalan raya Pulau Pinang.

- (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data lengkap saluran paip dan kabel utiliti di bawah jalan raya di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses untuk mewujudkan pangkalan data utiliti bersepadu melalui penubuhan Koridor Utiliti yang akan menjadi perintis kepada pemetaan utiliti lengkap di Pulau Pinang. Kunjungan hormat ke Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR) dan Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) telah dilaksanakan pada 25 dan 26 September 2024 untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan Koridor Utiliti di kedua-dua negeri tersebut. Maklumat yang diperolehi akan membantu Kerajaan Negeri dalam merancang pelan tindakan untuk mewujudkan dasar serta garis panduan Koridor Utiliti Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

28. Berapakah bilangan kes bunuh diri dengan terjun dari Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Jambatan Kedua bagi tahun lepas dan tahun ini?
- (a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani peningkatan kes ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes bunuh diri dengan terjun dari Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Kedua) pada tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Bilangan Kes Bunuh Diri Di Jambatan Pertama dan Jambatan Kedua Bagi Tahun 2023 dan 2024

BIL.	TAHUN	JAMBATAN PERTAMA	JAMBATAN KEDUA
1.	2023	22	6
2.	2024	29	5
JUMLAH		51	11

- (a) Kerajaan Negeri bersama dengan pelbagai agensi berkaitan sentiasa berusaha bagi memastikan tiada kes bunuh diri berlaku di Pulau Pinang khususnya di Jambatan Pulau Pinang atau Jambatan Kedua. Sebagai langkah menangani peningkatan kes ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mencadangkan pemasangan penghadang keselamatan di Jambatan Pulau Pinang semasa mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh YB EXCO Kesihatan. Namun,

pendekatan yang akan diambil pada masa sekarang adalah kepada peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental dan pencegahan cubaan bunuh diri.

Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menganjurkan satu bengkel *National Suicide Negotiation Skills Training For Crisis Intervention Officers* pada bulan Oktober 2024 kepada pihak PDRM, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

KKM juga telah mengambil pelbagai inisiatif dan langkah untuk mencegah cubaan bunuh diri, termasuk pendekatan pencegahan, intervensi awal, serta usaha peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental. Beberapa langkah utama yang sering diterapkan adalah seperti berikut:

- (i) KKM menganjurkan program pendidikan dan kesedaran kesihatan mental yang menyasarkan masyarakat umum, bertujuan mengurangkan stigma terhadap isu kesihatan mental dan menggalakkan orang ramai mendapatkan bantuan. Program *Let's Talk Minda Sihat* yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan sehingga kini. Program ini menggalakkan golongan remaja dan pekerja agar prihatin terhadap orang sekeliling mereka. Menggalakkan mereka untuk mendapatkan sokongan dan bantuan bagi mencapai kesejahteraan mental. Pada masa yang sama menggalakkan ahli keluarga dan rakan-rakan memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan untuk mencapai kesejahteraan mental
- (ii) Talian *HEAL 15555* KKM juga disediakan untuk memberi respon terhadap panggilan dan aduan krisis berkaitan kesihatan mental, tingkah laku bunuh diri, mencederakan diri atau orang lain serta panggilan tindak susul (*post-vention*) dan *follow-up* di komuniti. Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM kepada pemanggil yang terdiri daripada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), bukan warganegara dan yang berkaitan;

- (iii) KKM bekerjasama dengan agensi kerajaan lain, NGO dan komuniti tempatan untuk memperluas akses kepada sokongan kesihatan mental dan perkhidmatan intervensi. Pada tahun 2024, di bawah Kerajaan Negeri satu jawatankuasa khas yang dipengerusi oleh YB EXCO Kesihatan ditubuhkan. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk kolaborasi pelbagai agensi menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat;
- (iv) Program Intervensi di hospital dan klinik melalui hospital dan klinik kesihatan, KKM menyediakan perkhidmatan psikologi dan psikiatri untuk rawatan awal dan sokongan kepada mereka yang berisiko tinggi. Selain dari perkhidmatan rawatan, Pusat Kesihatan Mental Komuniti atau MENTARI ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan dan usaha gabungan profesional penjagaan kesihatan pelbagai disiplin. Pasukan rawatan di MENTARI diketuai oleh pakar psikiatri; dan ahli pasukan termasuk pegawai perubatan, ahli terapi carakerja, jururawat dan pekerja sosial perubatan. Di Pulau Pinang terdapat dua (2) pusat MENTARI telah ditubuhkan, satu di Klinik Kesihatan Jalan Perak dan satu di Klinik Kesihatan Butterworth; dan
- (v) Latihan juga diberi kepada kakitangan barisan hadapan. KKM melatih petugas kesihatan dan kakitangan barisan hadapan untuk mengenal pasti tanda-tanda awal kemurungan dan risiko bunuh diri adalah salah satu langkah penting dalam intervensi awal. Setiap tahun, pelbagai taklimat berkenaan kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri dianjurkan di peringkat negeri dan daerah.

Dengan langkah-langkah ini, KKM berusaha mengurangkan kadar cubaan bunuh diri dan meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

29. Bilakah perkhidmatan kereta api terus dari Bangkok ke Pulau Pinang akan dilancarkan secara rasmi?
- (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai strategi khusus untuk menarik pelancong dari Bangkok?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Thailand's State Railway (SRT) telah mengumumkan rancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan kereta api terus dari Bangkok's Bang Sue *Grand Terminal* ke Pulau Pinang, Malaysia pada awal tahun 2025. Perkhidmatan kereta api terus Bangkok-Pulau Pinang akan dilancarkan dengan tempoh percubaan awal selama enam bulan.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) telah meningkatkan usaha promosinya untuk menarik pelancong Thailand dengan memanfaatkan penerbangan terus, kempen pemasaran bersasar dan perkongsian dengan ejen pelancongan. Penerbangan terus dari Bangkok dan Phuket ke Pulau Pinang telah memudahkan pelancong Thailand untuk ke Pulau Pinang. Promosi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri memberi penekanan berkenaan kemudahan pengangkutan ini. Pada masa yang sama, usaha mempromosikan kepelbagaian makanan dan minuman bagi penggemar pelancongan gastronomi, lokasi-lokasi tarikan bersejarah dan sambutan festival kebudayaan terus dilakukan. Selain itu, PGT juga mempunyai risalah dalam bahasa Thai dan laman web berbahasa Thai sebagai usaha menembusi pasaran di negara tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVI)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

30. Apakah status terkini Penang Future Foundation (PFF)?
- (a) Adakah ia masih menerima sumbangan daripada syarikat?
 - (b) Adakah pelajar penerima biasiswa telah menunaikan kewajipan bekerja di Pulau Pinang selepas tamat pengajian?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. Sejak tahun pertama pengambilan pemegang biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) pada tahun 2015, data direkodkan sehingga akhir tahun 2023, PFF telah menawarkan sebanyak 751 biasiswa kepada para pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Perakaunan/Kewangan di peringkat ijazah pertama sepenuh masa di Malaysia.
- (a) PFF masih menerima sumbangan daripada sektor swasta dan individu. Sumbangan yang terawal dimulakan sebanyak RM40.0 juta dan seterusnya sumbangan-sumbangan kecil pada tahun-tahun berikutnya yang membawa jumlah keseluruhan sumbangan kepada RM43.9 juta sehingga akhir tahun 2023.
 - (b) Daripada jumlah keseluruhan 751 penerima biasiswa yang telah ditawarkan sejak tahun 2015 sehingga kini, seramai 492 orang telah dan sedang berkhidmat di Pulau Pinang manakala selebihnya adalah pelajar-pelajar yang masih mengikuti pengajian.